

**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA BELUD**

**PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014**

**Bahasa Melayu**

Kertas 1

Peraturan Pemarkahan

Ogos 2014

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan Hak Cipta PPD Kota Belud. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

---

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 13 halaman bercetak

## **PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1**

### **1. TUJUAN PENGUJIAN**

Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakan untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

### **2. LANGKAH-LANGKAH PEMERIKSAAN**

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut;

## Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

### KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<b>26 – 30</b>  atas (28 – 30)  (26 – 27) bawah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b><u>menepati</u></b> tema bahan rangsangan.</li><li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b><u>tepat</u></b>.</li><li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b><u>ungkapan yang menarik</u></b> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)</li><li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <b><u>matang</u></b>.</li></ul>
Kepujian	<b>20 – 25</b>  atas (23 – 25)  (20 – 22) bawah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b><u>menepati</u></b> tema bahan rangsangan.</li><li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <b><u>luas</u></b>.</li><li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li><li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <b><u>jelas</u></b>.</li></ul>

- ***Ungkapan Menarik*** : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Memuaskan</b>	<b>15 – 19</b> atas (17 – 19)  (15 – 16) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>masih</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b><u>masih</u></b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b><u>masih</u></b> betul dan tepat. Ejaan <b><u>masih</u></b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b><u>masih</u></b> lengkap. Unsur bahasa <b><u>masih</u></b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b><u>masih</u></b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b><u>masih</u></b> jelas.</li> </ul>
<b>Kurang Memuaskan</b>	<b>10 – 14</b> atas (12 – 14)  (10 – 11) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>kurang</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b><u>kurang</u></b> gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b><u>kesalahan ejaan yang ketara</u></b>. Penggunaan kosa kata <b><u>terhad</u></b>.</li> <li>• Wacana <b><u>kurang</u></b> lengkap. Unsur bahasa <b><u>kurang</u></b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b><u>kurang relevan</u></b> dengan tema bahan rangsangan dan huraianya <b><u>kurang jelas</u></b>.</li> </ul>
<b>Pencapaian Minimun</b>	<b>01 – 09</b> atas (06 – 09)  (01 – 05) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b><u>tidak</u></b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b><u>Banyak</u></b> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea <b><u>tidak</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

## Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

[100 markah]

### PERINCIAN PEMARKAHAN

#### Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

(      )	= Kesalahan isi
_____	= Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	= Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	= Kesalahan ejaan yang berulang
	= Kesalahan tanda baca

**KRITERIA**

<b>KRITERIA</b>	<b>DESKRIPSI</b>
<b>1. BAHASA</b> (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kegramatisan               <ul style="list-style-type: none"> <li>- kata (morfologi)</li> <li>- ayat (sintaksis)</li> </ul> </li> <li>• Tanda baca</li> <li>• Ejaan</li> </ul>
<b>2. LARAS</b> (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan kosa kata</li> </ul>
<b>3. IDEA (ISI)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema</li> <li>• Isi utama</li> <li>• Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)</li> <li>• Kerelevan</li> </ul>
<b>4. PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacana</li> <li>• Logik</li> <li>• Pemerengganan</li> <li>• Format</li> </ul>
<b>5. GAYA BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keindahan bahasa</li> <li>• Ungkapan</li> <li>• Peribahasa</li> </ul>

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	<p><b>80 – 100</b>            (90 – 100)            (80 – 89)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> yang luas dan tepat.</li> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai ayat majmuk</u></b> yang gramatis.</li> <li><b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul</li> <li>Laras bahasa sesuai dengan tugasan</li> <li>Penggunaan <b><u>kosa kata</u></b> luas dan tepat</li> <li><b>Idea relevan</b> mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li><b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li><b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>Penggunaan <b><u>unsur bahasa bervariasi</u></b></li> <li><b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
KEPUJIAN	<p><b>66 – 79</b>            (73 – 79)            (66 – 72)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> yang tepat.</li> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai ayat majmuk</u></b> yang gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b></li> <li><b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul</li> <li><b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugasan.</li> <li>Penggunaan <b><u>kosa kata</u></b> luas dan tepat</li> <li><b>Idea relevan</b> mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai.</li> <li><b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li> <li><b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>Penggunaan <b><u>unsur bahasa masih</u></b> bervariasi.</li> <li><b>Gaya bahasa masih</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>

- ***Ungkapan Menarik*** : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

PERINGKAT	MARAH	KRITERIA
BAIK	<p style="text-align: center;"><b>51 - 65</b>            (58 – 65)            (51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> sesuai.</li> <li>Penggunaan <b><u>ayat majmuk</u></b> gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>.</li> <li><b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> masih betul.</li> <li><b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>Penggunaan <b>kosa kata umum</b>.</li> <li><b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi <b>masih</b> jelas dan contoh <b>masih</b> sesuai.</li> <li><b>Pengolahan</b> masih menarik, dan pemerengganan <b>masih</b> sesuai.</li> <li><b>Wacana</b> <b>masih</b> lengkap</li> <li>Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li><b>Gaya bahasa</b> <b>kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang</b> berkesan.</li> </ul>
MEMUASKAN	<p style="text-align: center;"><b>36 – 50</b>            (43 – 50)            (36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> terhad.</li> <li>Ayat <b>kurang</b> gramatis.</li> <li><b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul tetapi <b>terdapat kesalahan yang minimum</b>.</li> <li><b>Laras bahasa</b> <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>Penggunaan <b>kosa kata umum</b> dan <b>terhad</b>.</li> <li><b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi <b>kurang</b> jelas dan contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> <li><b>Pengolahan</b> <b>kurang</b> menarik, pemerengganan <b>kurang</b> sesuai.</li> <li><b>Wacana</b> <b>masih / kurang</b> lengkap</li> <li>Penggunaan <b>unsur bahasa</b> <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li><b>Gaya bahasa</b> <b>kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang</b> berkesan.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan <b>kata kurang tepat</b>.</li> <li>Ayat <b>tidak gramatis</b> tetapi masih difahami.</li> <li>Terdapat <b>kesalahan ejaan dan tanda baca</b> yang ketara.</li> <li><b>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</b> dan huraihan tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li><b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li><b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li><b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi.</li> <li><b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> </ul>
PENCAPAIAN MINIMUM	<b>01 – 20</b> (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keseluruhan menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>Kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li><b>Idea bercampur aduk dan huraihan tidak jelas/</b> tidak berkembang dan <b>contoh tidak sesuai</b>.</li> <li><b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li><b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li><b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul>

**Cara menulis**

Keseluruhan	-	Peringkat markah	Contoh	K	-	75
- Ejaan	-	Mak 3 markah		- E	-	03
- Format	-	Mak 2 markah		- F	-	02
Jumlah	-	Markah bersih		J	-	70

## **BAHAGIAN A**

### **PERPADUAN KAUM RAKYAT MALAYSIA**

Dimensi : Diri  
Tema : Perpaduan  
Aras : Rendah  
Kemahiran : Aplikasi maklumat  
Format : Tiada  
Cadangan Idea:

1. Menyertai Program Latihan Khidmat Negara.
2. Mengadakan aktiviti sukan yang melibatkan pelbagai kaum.
3. Mengadakan Rumah Terbuka sewaktu menyambut perayaan pelbagai kaum.
4. Mengadakan aktiviti gotong-royong melibatkan pelbagai kaum.

## **BAHAGIAN B**

### **SOALAN 1**

**Sejak belakangan ini, penggunaan telefon bimbit semakin berleluasa. Penggunaan telefon bimbit telah mendatangkan pelbagai kesan kepada pengguna. Pada pendapat anda, jelaskan kesan-kesan negatif penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sekolah.**

Dimensi : Diri  
Tema : Komunikasi  
Aras : Rendah  
Kemahiran : Maklumat  
Format : Tiada  
Cadangan Idea:

1. Mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
2. Merosakkan penggunaan bahasa Melayu para pelajar.
3. Menimbulkan masalah disiplin di sekolah seperti kecurian dan melihat gambar-gambar lucah.
4. Membazirkan masa para pelajar kerana asyik bermain permainan di dalam telefon, sistem pesanan ringkas (sms) dan mendengar lagu-lagu.
5. Memberikan kesan sampingan terhadap penglihatan dan pendengaran para pelajar.
6. Meningkatkan perbelanjaan ibu bapa atau keluarga.

## **SOALAN 2**

**Amalan kejiranan semakin terpinggir dalam masyarakat pada masa ini. Masyarakat semakin melupakan amalan bergotong royong, kunjung-mengunjungi, dan bertegur-sapa sesama jiran tetangga. Dalam hal ini, keluarga berperanan penting untuk menghidupkan amalan kejiranan ini agar menjadi ikutan anak-anak.**

Ulas pernyataan ini.

Dimensi	:	Keluarga
Tema	:	Semangat Kejiranan
Aras	:	Sederhana
Kemahiran	:	Aplikasi Maklumat
Format	:	Tiada

Cadangan Idea:

1. Ibu bapa berperanan memberi tujuk ajar cara berjiran dengan baik – berbudi bahasa dan menghormati jiran tetangga.
2. Ibu bapa berperanan sebagai suri teladan kepada anak-anak – menyokong dan menjayakan amalan kejiranan
  - a. Meluangkan masa untuk turut serta dalam program kejiranan – bergotong royong
  - b. Bertegur sapa dan berkenal-kenalan dengan jiran tetangga.
  - c. Mengunjungi jiran – sakit atau sambutan perayaan
3. Ibu bapa mengalakkan dan bersama-sama dengan anak-anak menyertai program amalan kejiranan

### **SOALAN 3**

**Industri pelancongan merupakan antara penyumbang terbesar ekonomi negara. Anda ingin menulis rencana berkaitan dengan peranan pelbagai pihak untuk memajukan industri pelancongan.**

Dimensi : Negara

Tema: Industri pelancongan

Aras : Tinggi

Kemahiran : Aplikasi maklumat

Tugasan: Peranan pelbagai pihak

Format: Rencana (tajuk, nama penulis)

**Cadangan idea:**

a) Peranan pihak kerajaan

- mengadakan promosi di luar negara
- mengisytiharkan Tahun Melawat Malaysia
- membanteras jenayah
- memelihara dan memulihara tempat-tempat menarik
- kerjasama / rundingan dengan negara lain

b) Peranan pihak swasta

- pakej tambang murah (Airasia)
- peningapan murah (perhotelan)
- menaik taraf tempat penginapan
- menyediakan infrastuktur berkualiti
- menaik taraf perkhidmatan pengangkutan awam

c) Peranan masyarakat

- layanan yang mesra
- menguasai bahasa asing terutama bahasa Inggeris
- menjaga kebersihan
- elakkan jenayah
- menjaga nama baik negara

d) Peranan media massa

- menyiarkan berita positif tentang negara
- mempromosikan tempat menarik
- menguar-uarkan tempat baru
- menampilkkan keindahan sesuatu tempat
- melaporkan pelbagai pilihan tempat pelancongan

## **SOALAN 4**

Sikap prihatin dan saling membantu sesama manusia dapat mengeratkan hubungan masyarakat dunia serta menjamin kesejahteraan sejagat.

Bincangkan pernyataan di atas.

Dimensi	:	Antarabangsa
Tema	:	Nilai murni
Aras	:	Tinggi
Kemahiran	:	Aplikasi Maklumat
Format	:	Tiada

Cadangan Idea:

1. Menghuraikan istilah-istilah sikap prihatin, sikap saling membantu, masyarakat dunia, kesejahteraan sejagat
2. Bantuan yang dapat mengeratkan hubungan dan menjamin kesejahteraan sejagat dilihat dari aspek Ekonomi – negara kaya membantu negara miskin menerusi pelaburan dan wujud peluang pekerjaan
3. Aspek Pendidikan – program pertukaran pelajar perkongsian pintar antara institusi pengajian tinggi dan pelancongan pendidikan
4. Aspek Sosial – bantuan kemanusiaan semasa musibah/ bencana dan menyuarakan hak kemanusiaan menerusi persidangan/ pertubuhan antarabangsa

## **SOALAN 5**

Puisi Melayu lama banyak mengetengahkan nilai dan pengajaran yang boleh dijadikan panduan hidup.

Jelaskan pernyataan di atas dengan berpandukan contoh-contoh yang sesuai.

Dimensi	:	KOMSAS
Tema	:	Nilai dan Pengajaran Puisi Melayu Lama
Aras	:	Sederhana
Kemahiran	:	Apresiasi
Format	:	Tiada

Cadangan Idea:

1. Mengenang jasa seseorang – ibu bapa, pemimpin, ahli masyarakat akan dikenang dan dihormati.
2. Tidak meninggi diri atau sompong apabila kita berada di negeri orang lain - kita akan disayangi dan hidup akan selamat/diberkati
3. Sentiasa bersabar dalam menempuh dugaan atau cabaran hidup-mendidik kita supaya insaf dan tahu tentang kesusahan orang lain
4. Nilai hidup bekerjasama dan tolong-menolong – contoh dalam majlis kenduri-kendara dsb.
5. Mendidik kita supaya hidup bertoleransi dan faham-memahami- mewujudkan rasa hormat akan budaya dan perbezaan antara masyarakat – boleh mewujudkan perpaduan antara kaum